

# PTV lahir generasi mahir seiring keperluan industri

**Hasrat** kerajaan memperkasa pendidikan teknikal dan vokasional (PTV) mencerna satu pembaharuan dalam landskap pendidikan negara.

Dengan memberi tumpuan kepada keberhasilan generasi berkemahiran selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) menunjukkan kerajaan berusaha meningkatkan keperluan tenaga kerja mahir dan separa mahir.

Pujian perlu diberikan kepada guru teknikal dan pengurusan institusi latihan yang menyediakan pendidikan berasaskan teknikal dan latihan vokasional yang berani menongkah arus dan cabaran membabitkan pembangunan kemahiran teknikal dan vokasional pelajar.

Kita berada dalam fasa di mana negara mengalami kekurangan dalam penyediaan tenaga buruh tempatan.

Generasi muda kita seakan tidak berminat menceburi sektor pem-

binaan dan pembuatan.

Kita sering dimomokkan bahawa generasi muda kita tidak berdaya saing dan hanya menerima tawaran kerja tertentu berdasarkan permulaan gaji yang tinggi.

## **Memasarkan graduan**

Jadi, dalam usaha kerajaan melahirkan generasi muda yang berkemahiran tinggi, usaha ke arah memasarkan graduan kita pada peringkat global perlu dipertingkatkan.

Institusi PTV memainkan peranan penting dalam usaha ini untuk membuat jaringan industri ke peringkat antarabangsa bagi mengetengahkan potensi pelajar kita untuk bekerja di luar negara.

Kita juga perlu bergerak seiring dengan institusi PTV di luar negara yang menjadikan institusi mereka sebagai hab PTV kepada menyediakan pekerja mahir dan separa mahir untuk berkhidmat di industri yang mempunyai cawangan di serata dunia.

Kesedaran mengenai pentingnya pendidikan bersifat teknikal dan latihan vokasional perlu dibawa ke peringkat akar umbi supaya maklumat dan matlamat PTV dapat disampaikan kepada pelajar, ibu bapa, masyarakat dan industri.

Latihan bersifat teknikal dan vokasional ini bukan hanya untuk memenuhi ruang pekerjaan. Sebagai contoh, dengan pengetahuan sistem asas perpaipan air di rumah, individu yang mempunyai latihan dalam bidang itu mampu membaikinya sendiri.

## **Pendapatan tambahan**

Melalui pengalaman dan pengetahuan seperti ini boleh menjadi sumber pendapatan tambahan kepada individu tertentu bagi menyediakan perkhidmatan baik pulih dan penyelenggaraan.

Kitaran proses ini secara tidak langsung membentuk generasi berkemahiran dan berpengetahuan teknikal yang mampu me-

nyumbang kepada masyarakat setempat.

Bagi merealisasikan hasrat meningkatkan imej PTV di negara ini, strategi seperti berikut boleh diambil kira: (1) mengecualikan cukai kepada pemain industri yang membekalkan peralatan dan mesin yang masih boleh diguna pakai bagi proses pengajaran dan pembelajaran di institusi PTV, (2) membabitkan pelajar dengan aktiviti pembelajaran berasaskan perkhidmatan dengan memberi khidmat servis percuma kepada komuniti setempat berdasarkan pengalaman teoretikal dan praktikal di institusi latihan, (3) memberi mesej jelas kepada pemegang taruh, ibu bapa dan masyarakat tentang kepentingan PTV, (4) guru PTV perlu didedahkan teknik pengajaran berasaskan teknologi melalui penggunaan aplikasi tertentu yang boleh meningkatkan minat pelajar dalam bidang PTV, (5) usaha berterusan mewujudkan jaringan industri dengan ins-

titusi perlu dipertingkatkan bagi membolehkan pelajar mengalami sendiri situasi dan senario sebenar alam pekerjaan dan (6) mempergiatkan promosi dan peluang kerjaya bagi lepasan pelajar yang mengambil kursus yang ditawarkan dalam PTV melalui media massa.

Usaha berterusan bagi memartabatkan PTV di Malaysia adalah penting bagi kelangsungan pembentukan generasi yang mampu berdaya saing di dalam mahupun di luar negara.

Struktur kurikulum PTV perlu seiring dengan keperluan industri sekali gus membuka peluang pekerjaan untuk mereka. Keadaan ini akan meningkatkan produktiviti sesebuah negara dan taraf sosioekonomi masyarakat.



**Muhd Khaizer Omar,**  
Fakulti Pengajian Pendidikan,  
Universiti Putra Malaysia